

SYAABAN SEBAGAI BULAN PERSIAPAN MENYAMBUT KEDATANGAN RAMADHAN AL-MUBARAK

SYAABAN merupakan merupakan bulan kelapan dalam aturan kalendar Islam. Ibnu Manzhur menyatakan dalam karangannya Lisan al-Arab bahawa : berkata Tha'lab sebahagian ulama berkata : “*Sesungguhnya Syaaban dinamakan Syaaban kerana ia Syaab ertinya menonjol di antara dua bulan iaitu bulan Ramadan dan Rejab*”. Antara bulan-bulan yang dimuliakan berdasarkan tindakan dan amalan Baginda SAW dan seterusnya diteladani oleh para sahabat yang lain.

Terdapat beberapa peristiwa penting dan kelebihan yang dikaitkan dengan bulan ini seperti mana yang telah dibincangkan oleh para ilmuwan Islam antaranya :

1. Perubahan arah kiblat daripada Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis Palestin ke Masjid al-Haram di Mekah. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 144 :

﴿قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ

الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ﴾

“Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.”

Peristiwa perubahan bersejarah ini berlaku setelah 16 bulan Baginda Nabi SAW tinggal di Madinah. Hal ini diakui oleh al-Imam al-Nawawi di dalam kitab Syarh al-Muslim. Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani, solat yang dilakukan semasa berlakunya perubahan arah kiblat itu ialah solat Zohor ketika Rasulullah SAW menziarahi kematian Basyr bin al-Barra’ bin Ma’rur di perkampungan Bani Salamah. Menurut beberapa ahli tafsir, perintah peralihan arah kiblat itu bermula sebaik sahaja Rasulullah SAW dan para sahabat telah mengerjakan dua rakaat fardu Zohor di Masjid Bani Salamah. Masjid tersebut kemudiannya dikenali sebagai Masjid Qiblatain. Peristiwa ini berlaku pada 15 Syaaban tahun kedua selepas peristiwa hijrah dengan turunnya ayat 56 dalam surah al-Ahzab iaitu :

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

“Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

Imam Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat ini bermaksud Allah SWT memberitahu kepada para hamba-Nya tentang kedudukan seorang hamba dan Nabi SAW di sisi-Nya di alam langit. Allah SWT memujinya di sisi para Malaikat *al-Muqarrabin* lantas para Malaikat pun berselawat kepada Baginda Nabi SAW. Kemudian Allah SWT memerintahkan agar para penduduk bumi untuk mengucapkan selawat dan salam kepada Baginda Nabi SAW agar menyatu antara pujian warga alam di atas berserta warga alam di bawah.

Anjuran memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi SAW ini telah dinukilkan daripada pelbagai saluran riwayat antaranya periwayatan oleh Imam al-Tirmizi daripada Abdullah Ibnu Mas’ud bahawa Rasulullah SAW bersabda :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُ النَّاسِ عَلَيَّ صَلَاةً

“Manusia yang paling utama bagiku pada hari Kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku”

(Riwayat al-Tirmizi)

2. Kelebihan bulan Syaaban yang sering dialpa dan dilalaikan terhadapnya oleh kebanyakan manusia. Dialog yang amat bermakna yang dapat diperhatikan adalah apabila bertanya Usamah bin Zaid kepada Rasulullah SAW mengapa baginda banyak berpuasa pada Bulan Syaaban baginda menjawab :

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

“Itulah bulan yang manusia lalai mengenainya; antara Rejab dan Ramadhan. Padanya (Bulan Syaaban) diangkat amalannya hamba-hamba Allah. Aku suka tidak diangkat amalanku, melainkan aku dalam keadaan berpuasa”

(Riwayat Ahmad, al-Nasaie)

3. Nisfu Syaaban merupakan suatu ketika yang sering diperkata oleh kebanyakan “pemburu” kebaikan dan sering menjadi medan perdebatan antara para ilmuwan. Skop perdebatan banyak tertumpu kepada amalannya yang diisi di siang dan malamnya apakah memenuhi piawaiannya Syarak atau sekadar perlakuan rekayasa yang tiada dalil dan sandaran. Tahun 2021 bakal menyaksikan bahawa nisfu

Syaaban (15 Syaaban) akan berlaku pada 28 Mac 2021 bersamaan hari Ahad. Dianjurkan agar muslimin dan muslimat memperbanyakkan perlakuan amal soleh seperti mana amalan dan tindakan *Salafuna as-Soleh* terdahulu yang mengambil peluang meambah koleksi ibadah mereka seperti :

- i. Berqiamullail*
- ii. Membaca al-Qur`an,*
- iii. Bertasbih dan berselawat,*
- iv. Puasa sunat dan bersedekah*
- v. Memperbanyakkan Istighfar*
- vi. Membanyakkan berdoa dan berzikir.*
- vii. Menghadiri majlis ilmu.*

Justeru, sempena keberadaan kita di bulan Syaaban ini sewajarnya diisi dan dipenuhi semaksima mungkin amal soleh sebagai persediaan menuju ke satu bulan yang penuh dengan keberkatan iaitu Ramadhan al-Mubarak.

Disediakan oleh

Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Perak